

08/08/2001

Manila, MILF tandatangani perjanjian

PUTRAJAYA, Selasa - Kerajaan Filipina hari ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) bagi melaksanakan garis panduan ke arah perdamaian di Mindanao, Selatan Filipina.

Mengikut garis panduan itu, kedua-dua pihak bersetuju memulihkan keadaan di kawasan konflik, sekali gus membuka jalan bagi pelaksanaan program pemulihan dan pembangunan di wilayah yang majoriti penduduk beragama Islam.

Garis panduan mengenai aspek keselamatan itu dipersetujui bersama dalam Perjanjian Damai yang ditandatangani di Tripoli, Libya, pada 22 Jun lalu.

MoU itu ditandatangani oleh Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Panel Perunding Kerajaan Filipina, Irene Santiago bagi pihak kerajaan negara itu, manakala MILF diwakili Pengerusi Jawatankuasa Teknikalnya, Musib Buat.

Perjanjian itu kemudian disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Panel Perunding Kerajaan Filipina, Jesus Dureza dan Naib Pengerusi MILF, Murad Ebrahim.

Majlis itu yang disaksikan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dilakukan ketika pertemuan di antara Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berlangsung.

Turut menyaksikan detik bersejarah itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Aseh Che Mat dan Duta Besar Malaysia di Filipina, Mohd Arshad Manzoor Hussein.

Perjanjian itu adalah kemuncak kepada usaha Malaysia menyatukan kedua-dua pihak iaitu kerajaan Filipina dan pejuang pemisah.

Dalam majlis yang sama, Syed Hamid turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian perpaduan di antara MILF dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF).

Perjanjian itu disempurnakan oleh Murad bagi pihak MILF, manakala MNLF diwakili Naib Pengerusnya, Hatimil Hassan.

MILF yang ditubuhkan pada 1978, adalah serpihan MNLF. Ia ditubuhkan dua tahun selepas perjanjian keamanan pertama yang ditandatangani pemimpin MNLF, Nur Misuari dan Imelda Marcos, isteri Presiden Filipina ketika itu, di Tripoli, pada 1976.

Sementara itu, menurut kenyataan bersama Dureza dan Murad yang dikeluarkan kepada media, garis panduan itu antara lain melarang tindakan permusuhan dan provokasi, melindungi penjenayah dan elemen yang melanggar undang-undang serta tindakan lain yang memudaratkan keselamatan penduduk di Mindanao.

Ini juga termasuk melarang semua pengumuman umum yang boleh menggugat keikhlasan atau kredibiliti kedua-dua pihak dalam melaksanakan keamanan.

Bagi membuktikan keikhlasan kedua-dua pihak, wakil Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) khususnya Malaysia, Libya dan Indonesia sudah dijemput untuk memantau pelaksanaan semua perjanjian yang dipersetujui bersama.

Panel perunding itu juga bersetuju untuk mengadakan rundingan selanjutnya pada September depan bagi membincangkan agenda mengenai pemulihan, pembangunan dan penguasaan nenek-moyang.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Syed Hamid berkata kedua-dua perjanjian yang ditandatangani itu dianggap sebagai satu kunci utama dalam proses mencapai pembangunan ekonomi di Filipina, khususnya di wilayah

selatan negara itu.

"Dengan adanya proses damai ini, kita harap ia akan meredakan dan membawa keamanan dan kestabilan di kawasan itu kerana tanpa kestabilan dan keamanan, pelaburan dan pembangunan tidak akan berlaku.

"Kita juga tekankan kepada MILF dan MNLF bahawa mereka mesti memahami dan menerima hakikat bahawa segala kedamaian yang dicapai mestilah di dalam konteks kedaulatan wilayah Filipina dan wilayah autonomi, bukan sebagai negara yang terpisah dari Filipina," katanya.

Dureza pula ketika ditemui berkata, perjanjian itu adalah peringkat awal untuk menyaksikan proses perdamaian di wilayah Mindanao.

"Kita masih perlu melakukan banyak perkara, termasuk menyelesaikan kira-kira enam hingga sembilan isu utama," katanya tanpa mahu mengulas isu utama yang belum diselesaikan itu.

Terdahulu di MANILA, Arroyo berkata beliau akan mendapatkan bantuan Malaysia bagi mengembalikan keamanan di selatan negara itu yang didiami majoriti penduduk Islam yang mundur.

"Kita bukan saja jiran terdekat... kita adalah jiran Asean. Seperti saudara Islam, lawatan rasmi saya adalah untuk keselamatan dan kestabilan," katanya ketika berucap sebelum berlepas ke Malaysia untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Katanya, beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir terhadap bantuan Malaysia menaja rundingan damai dengan kumpulan pemisah Islam dan memupuk kestabilan politik di Mindanao.

"Masyarakat Islam di dalam negara ini memainkan fungsi penting dalam usaha mewujudkan keamanan berkekalan dan pembangunan menyeluruh di selatan Filipina," katanya.

(END)